

KEJOHANAN MBPJ INLINE HOCKEY TOURNAMENT 2012

Bagi memerluaskan penglibatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam penganjuran sukan di peringkat antarabangsa, pihak majlis telah mengambil keputusan untuk terus bekerjasama dengan Kelab Sukan Hoki Inline (KSHI) menganjurkan MBPJ Inline Hockey Tournament 2012 buat tahun ke-2 dan tahun ke-4 secara keseluruhannya.

Kejohanan ini adalah julung-julung kali dianjurkan oleh sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang akan dijalankan selama 2 hari dengan melibatkan penyertaan dari pasukan-pasukan kelab Inline Hoki luar Negara seperti Hong Kong, Singapura, Filipina, Indonesia, Iran, India dan beberapa pasukan tempatan.

Nama asal kejohanan ini adalah "Malaysia Inline Hockey Tournament" yang bermula pada tahun 2009 hingga 2010. Walaubagaimanapun, nama kejohanan ini telah ditukarkan kepada "MBPJ Inline Hockey Tournament" bermula dari tahun 2011 bagi merebut piala "Mayor Cup" setelah pihak majlis melihat kejohanan ini berpotensi untuk diperkembangkan serta mampu memperkenalkan Bandaraya Petaling Jaya ke peringkat lebih tinggi.

Di samping itu, kejohanan ini juga dapat memperkenalkan sukan baru yang agak ekstrim ini kepada masyarakat terutamanya penduduk Petaling Jaya bagi membudayakan dan mempelbagaikan alternatif sukan kepada masyarakat.

Antara objektif penganjuran kejohanan ini adalah memberi peluang dan pendedahan kepada warga Petaling Jaya terutamanya pelajar-pelajar untuk mengenali sukan baru yang ekstrim dan mencabar disamping dapat mempelbagaikan pilihan sukan di negara ini.

Kejohanan ini juga merupakan sebagai satu langkah untuk membawa nama MBPJ ke peringkat yang lebih tinggi dalam penganjuran sukan yang melibatkan pasukan-pasukan dari luar negara. Kejohanan ini mensasarkan penyertaan dari pasukan-pasukan kelab inline hoki dari luar negara dan pasukan tempatan.

Disediakan oleh,

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my

Bertarikh : 31 Ogos 2012